

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ
BIN ABDUL RAHIM [BALING]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 yang telah dimansuhkan oleh pentadbiran Pakatan Harapan memandangkan terdapat terlalu banyak berita berbaur hasutan dan palsu yang tersebar termasuklah yang menyinggung kedudukan Raja-Raja Melayu serta asas Perlembagaan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [*Akta 803*] telah berkuat kuasa pada 11 April 2018. Susulan keputusan pentadbiran Kerajaan terdahulu untuk memansuhkan Akta 803, maka Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 pada 9 Oktober 2019, seterusnya di Dewan Negara 19 Disember 2019 dan mendapat perkenan Diraja pada 20 Januari 2020. Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020 [*Akta 825*] seterusnya diwartakan pada 30 Januari 2020.

NO. SOALAN : 41

Pada ketika ini, tidak dinafikan negara sentiasa berhadapan dengan ancaman penularan berita tidak benar yang berbaur hasutan dan palsu yang tersebar termasuklah yang menyinggung kedudukan Raja-Raja Melayu serta hak-hak yang dijamin di bawah Perlembagaan. Dengan berkuatkuasanya Akta 825, sebarang berita palsu, laporan palsu dan penyalahgunaan media sosial ditangani melalui undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Selain daripada instrumen perundangan yang dinyatakan, Kerajaan komited untuk memastikan masyarakat mendapat berita dan maklumat yang sah dan terkini. Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan antaranya oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia untuk menangani penularan berita tidak benar melalui laporan berita serta pelbagai bahan penyampaian maklumat seperti video, kapsul dan infografik kesedaran awam dalam pelbagai bahasa.

Kerajaan akan terus memantau penyebaran berita tidak benar dan perbincangan akan terus dijalankan dengan *stakeholders* yang berkenaan bagi mengenalpasti pendekatan yang paling ampuh untuk mengekang penularan berita tidak benar dan mengambil tindakan tegas berhubung perkara ini, termasuklah mengadakan undang-undang berkaitan antiberita tidak benar sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.